

Company Name : Destini Berhad
Date : 03 November 2015
Source : Berita Harian

Untung kasar Destini naik 9 peratus

Keuntungan sebelum cukai Destini Bhd bagi suku ketiga berakhir 30 September 2015 naik sembilan peratus kepada RM6.46 juta berbanding RM5.93 juta setahun lalu.

Pendapatan melonjak 130 peratus kepada RM90.34 juta berbanding RM39.20 juta sebelum ini berikutan permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) dan perkhidmatan pembuatan marin.

“Kami berupaya mengatasi keputusan kewangan tahun lalu berikutan kepelbagaian kumpulan walaupun persekitaran perniagaan yang mencabar.

“Kami terus mengalami peningkatan permintaan untuk perkhidmatan MRO daripada pelanggan penerbangan dan marin tempatan dan antarabangsa,” kata Destini dalam makluman kepada Bursa Malaysia, semalam.

Destini berkata, ia memperoleh kontrak bernilai kira-kira RM400 juta dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta Dockyard and Engineering Works Ltd di Bangladesh.

“Dengan kontrak berkenaan, di samping peningkatan permintaan untuk perkhidmatan MRO penerbangan dan marin, ia dijangka menyumbang secara positif kepada prestasi kewangan kumpulan,” tambahnya.

BERNAMA